

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada dasar yang konkrit dalam menangani masalah penjualan minuman keras di dalam penerbangan Malaysia, apakah Kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan larangan hidangan atau penjualan minuman keras dalam sistem penerbangan Malaysia. Jika ya, bila ia akan dikuatkuasakan.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu berhubung hidangan arak dalam pesawat MAS telah dibangkitkan bermula tahun 2011. Secara ringkasnya, adalah menjadi pendirian Kerajaan untuk tidak menghalang sebarang cadangan untuk menghentikan hidangan arak dalam semua penerbangan MAB. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan.

Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAB) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan hidangan arak kepada penumpang.

Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna kerajaan dan MAB menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras. Dalam hubungan ini, mulai 1 Januari 2016, MAB tidak lagi menyediakan hidangan arak untuk penerbangan di bawah 3 jam perjalanan.

Sekian, terima kasih.